

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, August 19, 2019 2:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Berkongsi Rezeki Aidiladha Di Bumi Kemboja - 47 Ekor Lembu Dan 3 Ekor Kambing Ditumbangkan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 OGOS 2019 / 18 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Islam

BERKONGSI REZEKI AIDILADHA DI BUMI KEMBOJA - 47 EKOR LEMBU DAN 3 EKOR KAMBING DITUMBANGKAN



UUM ONLINE: Penduduk di 15 kampung di sekitar Tol Cham Phlu, Battambang, Kemboja menzahirkan kesyukuran apabila 47 ekor lembu dan tiga ekor kambing ditumbangkan pada sambutan Aidiladha sempena program Qurban dan Aqiqah Battambang Kemboja 2019M/1440H anjuran Kelab Ukhuwwah Pusat Islam UUM, baru-baru ini.

Pengerusi Kelab Ukhuwwah Pusat Islam, Mohd Yusnaidi Md Sabri berkata, program yang memasuki tahun ketujuh itu merupakan platform kepada rakyat Malaysia untuk menjayakan aktiviti kemasyarakatan dengan membantu penduduk yang hidup dalam kemiskinan, di samping menyebarkan syiar Islam.

Menurutnya, program korban itu mendapat sambutan menggalakkan bukan sahaja daripada warga UUM, malah rakyat Malaysia yang terdiri daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan pelajar termasuk dari Singapura dan Algeria.

Katanya, mereka bergotong-royong melakukan kerja-kerja penyembelihan hingga memasak daging korban itu, di samping mengukuhkan ikatan persaudaraan.

“Tahun ini, kita mendapat kerjasama yang baik dari semua pihak termasuk penduduk di sini yang mula mahir tentang pengurusan ibadah korban berbanding tahun-tahun permulaan yang mana kami melalui kesukaran berikutan kekurangan tenaga kerja dan persiapan.

“Namun tahun demi tahun mereka belajar banyak perkara termasuk pengagihan tugas yang sistematik dengan wujudnya pasukan urusetia yang turut dibantu sukarelawan Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, Islam mensyariatkan ibadah korban bagi yang berkemampuan dan lakukan ibadah ini sebagai salah satu tanda kesyukuran kepada Allah atas pemberian rezeki.

Ujarnya, jika dilakukan dengan keimanan, Allah memberi keistimewaan, keampunan dan diberikan ganjaran pahala sebanyak bulu yang ada pada binatang korban tersebut.

“Kelebihan yang dikurniakan kepada orang yang berkorban adalah sebanyak bulu binatang korban, darah korban yang tumpah ke bumi amat mulia di sisi Allah, bahkan rezeki kita menjadi berkat serta menjauhkan diri daripada sikap tamak dan menjaga silaturahim,” katanya.

Antara pengisian selain penyembelihan korban adalah mengajar cara mandi jenazah, gotong-royong mengadakan kenduri, solat sunat hari raya, kelas Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, sukaneka dan ziarah dari rumah ke rumah yang meninggalkan kenangan manis untuk dikenang.

Selain itu, sumbangan berupa wang tunai, pembinaan telaga dan bangunan tambahan masjid untuk menampung jemaah yang semakin bertambah antara yang diberikan kepada penduduk minoriti Islam Kemboja itu.

Program terbaru adalah program wakaf tanah kubur hasil cadangan dari penduduk Kampung Tol Cham Phlu sendiri memandangkan pada masa ini tiada perkuburan khas untuk orang Islam di sana.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Perakaunan, Fatin Najwa Firoz Deen, berkata, pertama kali menjejakkan kaki di Kemboja meninggalkan kenangan yang sukar dilupakan, sekali gus menjadikan dia sebagai insan yang lebih bersyukur dengan kurniaan Tuhan.

“Tidak pernah terfikir akan berada di sini tetapi Allah hantar saya untuk menyaksikan sendiri saudara seIslam yang hidup dalam kesusahan.

“Saya melihat dengan mata sendiri betapa daifnya kehidupan mereka dalam zaman yang serba canggih tetapi masih ada lagi masyarakat yang terpinggir dibelenggu kemiskinan, menggunakan air tadahan hujan, tiada kemudahan asas seperti elektrik, makanan, air bersih dan taraf pendidikan rendah,” luahnya simpati.

Tambahnya, masjid dan madrasah yang dibina hasil sumbangan orang ramai kelihatan lebih kukuh berbanding rumah kayu penduduk yang usang.

Ujarnya, detik mencabar ketika menempuh perjalanan ke kampung yang terletak jauh dari pekan dengan menaiki sejenis kenderaan yang dipanggil *coster* seumpama ATV debu-debu berterbangan sebaik sahaja 18 peserta meredah jalan yang sempit tidak berturap dan tanah merah.

“Walaupun keadaan mereka yang serba kekurangan, namun usaha mereka untuk melayan kami sebagai tetamu selama tiga hari membuatkan kami rasa terharu dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan.

“Satu perkara yang menarik perhatian ialah kesepakatan dalam ibadah korban, tambahan pula mereka hanya berpeluang makan daging setahun sekali pada Aidiladha kerana lembu yang dibela hanya untuk dijual,” katanya.

Fatin Najwa berkata, penduduk amat teruja dan berganding bahu menjayakan ibadah korban sehingga selesai sebelum berkumpul untuk menerima agihan korban yang diberikan kepada setiap keluarga.

Menurutnya, usaha mereka sebagai wakil pelajar UUM diharapkan membuka mata rakyat Malaysia untuk menarik lebih ramai golongan muda menyertai program kemasyarakatan seperti itu.

Manakala Penolong Pengurus Asrama, Norhafiza Abd Hadi menyifatkan kembara ini sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan dan pengorbanan yang wajar diteladani.

“Sehari sebelum hari raya korban, kami adakan *free market* untuk menyerahkan pakaian berupa kain baju buat anak-anak kecil dan pakaian solat untuk dewasa hasil sumbangan orang Malaysia.

“Secara peribadi hati amat tersentuh dan sebak apabila melihat mata hitam anak-anak kecil yang belum mengerti apa-apa hidup dalam kedhaifan sehingga ada yang menitikkan air mata,” katanya.

Tambahnya lagi, melalui program itu juga diharapkan cita-cita bagi melahirkan ulama Islam akan tercapai bagi menggantikan mereka yang telah pergi di zaman kegemilangan Islam Champa.

Turut serta dalam usaha murni itu ialah staf Inapan Siswa (INASIS) BSN UUM, Rakan Projek Syahadah Sahabat Masjid UPM dan 32 individu lain yang berpeluang menyelami kehidupan masyarakat minoriti Islam di situ.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.